



SIARAN MEDIA

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KE-14

**PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT
(PRIHATIN) & PELAN JANA SEMUA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

22 JULAI 2020



PENGENALAN

1. Pada minggu ini, **Laporan LAKSANA Ke-14** akan merangkumi 3 perkara:
 - a. Pertama, status pencapaian Pakej PRIHATIN;
 - b. Kedua, status pelaksanaan PENJANA; dan
 - c. Ketiga, ulasan isu semasa.

PRIHATIN MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT

2. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional atau BPN**
 - a. Setakat 20 Julai 2020, **jumlah BPN yang telah diagihkan adalah sebanyak RM11.14 bilion** (peningkatan daripada RM11.06 bilion minggu lalu) termasuk rayuan BPN yang melibatkan **10.416 juta penerima** (peningkatan daripada 10.4 juta penerima daripada minggu lalu).
 - b. Manakala bagi bayaran kepada kumpulan rayuan melibatkan 160,000 pemohon yang lulus dengan peruntukan RM139 juta, sebanyak **RM125 juta (146,000 penerima)** telah berjaya dikreditkan. **Selebihnya penerima yang gagal kredit dinasihatkan untuk ke BSN untuk proses bayaran secara tunai.**

3. **Kedua, Bantuan Sara Hidup atau BSH.** Seperti yang diumumkan oleh Kerajaan sebelum ini, pembayaran **Bantuan Sara Hidup atau BSH 2020** fasa ketiga akan dilaksanakan mulai **24 Julai 2020 (Jumaat)**. Peruntukan yang terlibat adalah sebanyak **RM3.0 bilion** dan memanfaatkan hampir **4.28 juta penerima BSH** merangkumi **3.75 juta isi rumah** dan **0.53 juta bujang (40-59 tahun)**. Kadar BSH yang akan diterima juga mengambil kira **3.8 juta anak penerima BSH berumur 18 tahun ke bawah**.
4. Bagi memastikan program BSH 2020 disasarkan kepada mereka yang benar-benar layak, tempoh permohonan rayuan akan dibuka mulai **7 Ogos 2020 hingga 6 September 2020**. Dengan adanya proses rayuan ini, sebahagian daripada yang tidak layak masih diberi ruang untuk mengemukakan rayuan berserta dokumen yang berkaitan untuk diverifikasi semula oleh LHDNM. Permohonan rayuan boleh dibuat secara dalam talian di portal **BSH <https://bsh.hasil.gov.my>** atau pemohon boleh hadir di mana-mana **Cawangan LHDNM/ Pusat Khidmat Hasil (PKH) dan Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Centre - UTC)**.

PRIHATIN MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

5. **Pertama, Geran Khas Prihatin (GKP) untuk PKS Mikro**
 - a. Jumlah keseluruhan GKP yang diluluskan adalah bernilai lebih kurang **RM1.64 billion** dan ini telah memanfaatkan **545,000 PKS Mikro**. Dari jumlah ini, sebanyak **RM1.47 billion** telah dibayar, dan ini mencerminkan kadar pencapaian sebanyak **90%**.
 - b. Bagi penerima yang **berstatus gagal kredit dan telah mengemaskini nombor akaun bank**, bayaran secara berperingkat telah dibuat mulai 2 Julai 2020.
6. **Kedua, Program Subsidi Upah (PSU):**
 - a. Dengan langkah-langkah memutuskan rangkaian Covid-19, ramai yang bimbang tentang kehilangan pekerjaan dan potongan gaji. Tujuan utama PSU adalah untuk memberi insentif kepada majikan untuk mengekalkan pekerja mereka dan sekaligus membantu aliran tunai perniagaan mereka.
 - b. Sehingga 20 Julai, sebanyak **RM7.82 bilion Subsidi Upah telah diluluskan** (peningkatan daripada RM7.79 bilion minggu lalu) yang memanfaatkan lebih **2.55 juta pekerja** (peningkatan daripada 2.53 juta minggu lalu). Manakala, **jumlah bayaran adalah sebanyak RM7.39 bilion** (berbanding **RM6.82 bilion** minggu lalu) yang memanfaatkan **2.54 juta pekerja** (berbanding **2.49 juta** minggu lalu)
 - c. Pihak **PERKESO telah memuat naik nama-nama majikan yang telah menerima bantuan PSU**. Tindakan ini diambil berikutan aduan diterima daripada orang ramai bahawa terdapat segelintir majikan yang mengambil subsidi tetapi masih memberhentikan atau memotong gaji pekerja mereka. **Untuk makluman,**

orang ramai juga boleh melaporkan sebarang aduan kepada pihak PERKESO di e-mel aduansip@perkeso.gov.my atau talian 1300 228 000 untuk tindakan lanjut.

7. **Ketiga, Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia:** Permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterima oleh PKS adalah **RM9.23 bilion** (peningkatan daripada RM9.1 bilion minggu lalu) dan ini akan memanfaatkan **20,815 PKS** (peningkatan daripada 20,545 minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility, Automation & Digitalisation Facility, All-Economic Sector Facility dan Agrofood Facility*.

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
20 Jul	9.2	20,815
10 Jul	9.1	20,545
3 Jul	8.8	20,104
26 Jun	8.4	19,539
19 Jun	8.2	19,253
12 Jun	7.8	18,449
5 Jun	7.5	18,227
31 Mei	6.9	16,833
17 Mei	5.8	14,075
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

*Jumlah kumulatif

8. **Keempat, bagi Skim Kredit Mikro BSN:** Setakat 20 Julai 2020, Sebanyak **11,210 PKS diluluskan** (peningkatan daripada 10,264 minggu lalu) permohonan dan bernilai **RM370.81 juta** (peningkatan daripada RM344.4 juta minggu lalu).

PENCAPAIAN PRIHATIN

9. Setakat **20 Julai 2020**, prestasi perlaksanaan adalah seperti berikut:
- bagi pemberian tunai secara *one-off* - seperti BPN, bantuan kepada pelajar IPT, pemandu e-hailing dan teksi, pesara kerajaan, dan lain-lain - yang melibatkan pembayaran sebanyak **RM14.3 bilion** dan tahap pencapaian **pelaksanaan adalah pada kadar yang tinggi iaitu 91%**; dan
 - bagi inisiatif yang melibatkan perlaksanaan dalam jangka masa antara 3 hingga 6 bulan pula – seperti diskaun bil elektrik, subsidi upah (asal), moratorium, e-CAP

KSWP dan lain-lain – yang melibatkan pembayaran sebanyak **RM68 bilion dan pelaksanaan adalah pada tahap 54% (berbanding 50% minggu lalu)**. Ini adalah kadar yang memberangsangkan memandangkan kita berada pada peringkat pertengahan pelaksanaan langkah-langkah tersebut.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

10. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif terbahagi kepada tiga matlamat:

- a. Memperkasakan Rakyat
- b. Melonjakkan Perniagaan
- c. Merangsang Ekonomi

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

11. **Pertama, Skim Kesihatan PEKA B40**, iaitu kemudahan bantuan kepada B40 yang disediakan Kerajaan untuk membiayai 4 kemudahan kesihatan iaitu saringan kesihatan, bantuan alat perubatan, insentif rawatan kanser dan insentif tambang pengangkutan bagi kesihatan. Sebanyak **7,695 tuntutan berjumlah lebih RM588,000 diluluskan** menerusi skim PEKA B40, setakat 20 Julai 2020.
12. **Kedua, di bawah program My30**, setakat 20 Julai 2020, **sebanyak 119,844 pas telah dijual** (peningkatan daripada 112,500 pas) **dan subsidi Kerajaan bagi pas-pas My30 setakat ini bernilai RM20.4 juta** (peningkatan daripada 19.13 juta). Pas My30 boleh digunakan untuk MRT, LRT, monorel, BRT, Bas RapidKL dan Bas Pengantara MRT.
13. **Ketiga, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan**. Sejak pendaftaran dibuka pada 15 Jun 2020, **seramai 5,055 pekerja telah mendapat pekerjaan. Jumlah ini merangkumi 3,500 di bawah umur 40 tahun, 800 bagi 40 - 60 tahun, 55 OKU dan 700 Perantis**.
14. **Keempat, Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas** iaitu bantuan *one-off* RM300 sudah di bayar melibatkan kumpulan berikut:
 - a. **OKU: 184,538 penerima** melibatkan bayaran **RM55.36 juta**
 - b. **Perkhidmatan Bantuan Rumah: 1,800 penerima** melibatkan jumlah **RM540,000**

Proses bayaran akan diteruskan kepada kumpulan ini dan juga kumpulan ibu tunggal sehingga hujung bulan Julai 2020.

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

15. PKS termasuk perniagaan mikro merupakan tunjang kepada ekonomi negara dengan sumbangan hampir 40% kepada KDNK negara, dan menjana lebih 70% pekerjaan dalam negara. Oleh sebab demikian, di bawah PENJANA Kerajaan terus komited memberi bantuan kepada golongan PKS melalui pelbagai inisiatif.
16. **Pertama, Skim Pemulihan Perniagaan Tekun atau TEKUN *Business Recovery Scheme* – TBRS).** Secara keseluruhannya, TEKUN telah diamanahkan sebanyak RM300 juta, iaitu RM200 juta di bawah PRIHATIN dan bantuan kepada peniaga diteruskan di bawah PENJANA iaitu melalui TBRS dengan peruntukkan sebanyak RM100 juta. Setakat 20 Julai 2020, sebanyak **259 permohonan diluluskan (RM1.92 juta).**
17. **Kedua, Skim SME-Go bagi Membantu Aliran Tunai PKS.** Inisiatif yang baru dilancarkan bulan ini merupakan kemudahan pembiayaan yang di sediakan oleh SME Bank kepada kontraktor yang dianugerahkan projek-projek kecil kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020 dan pakej rangsangan PRIHATIN. Skim ini dijangka memberi manfaat kepada 16,000 kontraktor kelas G2 dan G3.
18. **Tujuan pembiayaan Skim SME-Go ini adalah untuk keperluan modal kerja bagi kontrak tersebut dan margin pembiayaan adalah sehingga 100% daripada kos kontrak.** Tiada cagaran diperlukan. Pihak Bank akan mengambil ikatan serah hak hasil kontrak dan mendapatkan jaminan peribadi atau jaminan bersama dan berasingan daripada pengarah/pemegang saham/rakan kongsi/pemilik. Pengeluaran pembiayaan akan dibuat secara terus kepada pembekal atau sub-kontraktor setelah pengesahan terhadap invois atau tuntutan yang dikemukakan kepada pihak Bank. **Sila layari <https://www.smebank.com.my/ms/smego> untuk maklumat lanjut atau membuat permohonan.**
19. **Ketiga, Geran Automasi Pintar (*Smart Automation Grant* – SAG)** berjumlah RM100 juta, terhad kepada RM1 juta untuk setiap syarikat. Geran yang ditawarkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan bagi PKS yang berminat dan memenuhi syarat boleh menghantar permohonan secara terus kepada MDEC. **Sila layari <https://mdec.my/digital-economy-initiatives/for-the-industry/smart-automation-grant/> untuk maklumat lanjut atau untuk memohon.**
20. **Keempat, Pinjaman dari *SME Technology Transformation Fund* yang berjumlah RM500 juta yang dilancarkan bulan ini** adalah bantuan kewangan kepada PKS untuk penggunaan digital atau automasi bagi mencapai produktiviti yang lebih tinggi, kecekapan proses serta pengurusan kos. Setakat 20 Julai 2020, permohonan dari **20 syarikat** yang berjumlah **RM46.14 juta** sudah diterima

21. **Kelima, sokongan untuk sektor seni, budaya, hiburan, acara, dan pameran.** Seperti yang dilaporkan minggu lepas, inisiatif yang baru dilancarkan adalah melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd dan Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (*Cultural Economy Development Agency* – CENDANA). Insentif ini menunjukkan sokongan kerajaan terhadap nilai dan potensi industri kreatif dan hiburan dan berharap dapat membantu penggiat industri untuk pulih semula dari impak Covid -19. **Proses permohonan pinjaman atau geran sudah dibuka. Sila layari MyCreative (<http://www.mycreative.com.my/>) dan CENDANA (<https://www.cendana.com.my/>) untuk maklumat lanjut atau membuat permohonan.**

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

22. **Pertama, Dana PENJANA Nasional (DPN).** Keseluruhan peruntukan dana adalah bernilai **RM1.2 bilion**, iaitu RM600 juta sumbangan modal pelaburan daripada pelabur antarabangsa yang menjalinkan usahasama strategik dengan pelabur domestik dan dipadankan RM600 juta suntikan pelaburan daripada Kerajaan. DPN akan dilaksanakan di bawah seliaan Kementerian Kewangan:
- DPN dijangka akan menyumbang kepada Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment* - FDI) di samping meningkatkan keyakinan pelabur asing terhadap dinamisme ekosistem startup, modal teroka (venture capital) serta sektor perniagaan Malaysia secara amnya. DPN akan merangkumi keseluruhan kitaran hayat pelaburan termasuk *Seed/Co-Creation, Early Stage - Series A/B, Growth Stage dan Venture Debt*.
 - DPN juga akan bertanggungjawab sebagai badan pemantau pencapaian pelaksanaan dana-dana yang telah diumumkan Kerajaan di bawah Pakej-pakej PRIHATIN dan PENJANA untuk membantu perniagaan yang terkesan COVID-19. Ini adalah bagi menyelaraskan dan memastikan ketelusan serta keberkesanan dana-dana tersebut.
 - Sejak ia diumumkan, Kerajaan mendapat maklumbalas yang memberangsangkan daripada para pelabur dan firma modal teroka asing yang menawarkan diri untuk turut terlibat sama dalam DPN. **Sehingga tarikh tutup pada 14 Julai, permohonan strategik bernilai lebih dari RM600 juta telah diterima. Permohonan-permohonan tersebut sedang melalui proses penilaian dan keputusan akan diumumkan pada bulan Ogos.**
23. **Kedua, pengguna diingatkan bahawa mereka boleh memanfaatkan Insentif Cukai untuk Pembelian Kereta** iaitu pengecualian cukai jualan untuk model-model kereta penumpang pemasangan tempatan (CKD) adalah 100%, manakala model-model kereta penumpang import (CBU) pula ditolak sebanyak 50% bermula 15 Jun sehingga

penghujung Disember 2020. Usaha ini dilakukan kerajaan bagi merancakkan kembali industri automotif dengan menggalakkan rakyat untuk membeli kereta baharu.

24. **Ketiga, Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia** yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Kempen ini menyasarkan jualan lebih RM500 juta bagi tempoh Julai hingga Disember tahun ini. Langkah ini diharap dapat memanfaatkan syarikat tempatan dan merancakkan lagi pembelian barangan tempatan. Seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri kita, **"berbelanjalah untuk Malaysia"**.
25. Sehubungan itu, Kerajaan juga ingin menyarankan agar penyewa premis swasta memainkan peranan untuk sama-sama membina semula ekonomi kita. **Pihak swasta disarankan agar bertolak ansur dengan penyewa yang menghadapi kekangan aliran tunai agar mereka mempunyai lebih ruang untuk membangunkan semula perniagaan masing-masing.** Ingatlah, jika perniagaan mereka ditutup, penyewa juga akan kekurangan potensi untuk mendapat hasil sewaan.

ULASAN ISU SEMASA

26. Berdasarkan jangkaan pelbagai agensi, seperti World Bank dan International Monetary Fund, lebih 150 negara di seluruh dunia dijangka merekodkan penguncupan ekonomi pada tahun 2020, termasuklah Malaysia. Apa yang lebih penting ialah apa yang Kerajaan telah dan perlu lakukan untuk memastikan impak COVID-19 kepada ekonomi dapat ditangani dengan baik, sekurang-kurangnya dari segi *cushioning the impact*, supaya ekonomi kita mampu berkembang semula dengan segera sejajar dengan pemulihan ekonomi serantau dan global.
27. Di dalam laporan **Global Economic Prospects June 2020 (World Bank Group)** selain Thailand, **Malaysia diiktiraf sebagai salah sebuah negara yang melaksanakan pakej sokongan ekonomi yang luar biasa ("*Malaysia and Thailand have both implemented extraordinary policy support packages equivalent to around 17 and 13 percent of GDP respectively*")** yang memfokuskan kepada kesejahteraan dan kesihatan awam, penyediaan penjagaan, jaminan pinjaman, dan insentif perniagaan.
28. Berdasarkan pencapaian setakat ini, respons melalui inisiatif PRIHATIN dan PENJANA terhadap krisis ini adalah tepat dan bersesuaian. Perkembangan positif ini juga disokong oleh kerancakkan aktiviti ekonomi dan perkhidmatan yang beransur pulih dan meningkat dalam bulan-bulan yang akan datang. Salah satu bukti pemulihan ekonomi ialah **laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi jualan perdagangan borong dan runcit bagi bulan Mei 2020, di tahap RM84.4 bilion. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM17.5 bilion atau 26.3% berbanding April 2020.**

29. Kita juga sudah jangkakan bahawa **kadar pengangguran** akan naik (5.3% bagi Mei 2020 berbanding 5.0% pada bulan April 2020), tetapi **apa yang lebih penting adalah samada langkah-langkah pembukaan ekonomi dan pengendalian pekerjaan mempunyai impak positif ke atas kadar pekerja yang kembali bekerja**. Ini terbukti melalui **data DOSM** yang menunjukkan bahawa **sehingga 2 Jun 2020, lebih kurang 12.7 juta atau 83.5% pekerja telah mula bekerja berbanding 10.2 juta atau 67.2% pada 17 Mei 2020**.
30. *However, it is important to recognise that we are not out of the woods yet, and we must be prepared for the possibility that the situation could get worse before it gets better. This is because, as an open economy, our recovery is also partly dependent on how well the global economy recovers. Within our shores, however, we can have more control over certain outcomes. **One effort we can undertake is to seek early assistance on repaying our financial obligations, if we feel that we may need more time to set our finances on a stronger footing.** Assistance can be obtained from financial institutions, or **Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) for individuals; Small Debt Resolution Scheme (SDRS) for SMEs; and the Corporate Debt Restructuring Committee (CDRC) for bigger companies.***
31. Akhir kata, orang ramai sekali lagi diingatkan bahawa kes aktif dan kes baharu wabak pandemik walaupun rendah, tetapi masih wujud di dalam negara. Rakyat diminta untuk terus kekal patuh dengan arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dalam usaha menyekat penularan kedua wabak COVID-19.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
22 Julai 2020